



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Tertekan umpatan orang

Gadis mengalami masalah bau badan dikatakan sombong lantaran sering bertelagah dengan ibu

Soalan:

SAYA kini amat tertekan terhadap umpatan yang saya sifatkan sangat peribadi kerana menjatuhkan maruah hingga tidak bebas melakukan aktiviti luaran.

Saya pelik dengan sikap masyarakat yang mudah menjatuhkan hukuman.

Saya gadis aktif dan suka bergaul namun mempunyai masalah bau badan yang kuat. Akhirnya saya mendengar seseorang memperkatakannya menyebabkan ia semakin tersebar di kalangan masyarakat.

Saya tidak suka sikap segelintir mereka yang selalu mengumpat di belakang mengenai bau badan saya ini. Jika rasa kurang senang,

beritahu saya tapi jangan mengata, mengumpat dan memfitnah saya di belakang.

Pada masa sama, saya disangka sombong dan berlagak. Saya bukan seperti itu namun disebabkan saya suka berkasar dengan ibu manakala ibu juga tidak sependapat dengan saya.

Malah, hal kecil pun akan menjadi besar seperti terlupa gosok gigi atau tertidur. Tolong saya-Dr.

**Bengang,
PAHANG**

Jawapan:

MEMANG pedih apabila menjadi umpatan orang. Apatah lagi, apabila ia membabitkan soal peribadi. Justeru, Dr

amat memahami perasan tertekan adik.

Izinkan Dr menjelaskan kesan mengumpat dan fitnah. Mengumpat dan memfitnah adalah perbuatan yang sangat dilarang dalam Islam kerana boleh memusnahkan hubungan silaturahim dan merosakkan keharmonian bermasyarakat.

Maka tepatlah dengan ayat 191 surah al-Baqarah yang bermaksud: "Dan (ingattlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya dari daripada membunuh".

Dewasa ini perbuatan fitnah memfitnah amat berleluasa. Akibat mengumpat dan memfitnah hubungan silaturahim akan terputus, masyarakat akan terputus, masyarakat kucar-kacir, negara tidak

akan makmur seperti sebelumnya.

Untuk mengelak daripada diumpat atau difitnah, elok kita tidak melakukan perbuatan yang boleh menimbulkan fitnah (sekiranya kita melakukan perkara itu).

Sebagai manusia biasa, kita tidak pernah terlepas daripada melakukan kesalahan dan dosa. Namun, tentu ada caranya agar kita tidak terus bergelumang dengan perkara tersebut iaitu dengan segera kembali kepada kebenaran dan meninggalkan kebiasaan buruk sebelumnya disertai dengan meminta keampunan daripada Allah dan bertaubat.

Setiap manusia itu wajib menggunakan akal fikirannya untuk menilai manakah

yang baik dan buruk selain sentiasa memohon hidayah daripada-Nya agar ditetapkan hati dan jiwa di atas jalan kebenaran kerana hidayah itu hanya akan singgah pada hati yang sentiasa mencarinya. (Sumber: Jakim)

Sikap selalu berkasar dengan emak kerana sering tidak sependapat sememangnya sesuatu yang boleh menimbulkan prasangka orang luar.

Jika tidak bersetuju dengan pandangan ibu, mungkin adik boleh berbincang secara baik tanpa perlu bersikap kasar. Berbincang secara berhikmah adalah jalan terbaik menyelesaikan masalah. Soal gosok gigi, rambut dan badan perlu adik usahakan untuk meng-

atasi masalah ini daripada berterusan.

Bagi mengelak tertekan dengan umpatan orang, jangan terlalu mendengar kata-kata orang lain di samping memperbaiki segala kelemahan diri yang ada. Pada mulanya, memang sukar untuk diterima oleh orang yang suka mengumpat adik.

Tetapi, apabila mereka melihat kelemahan diri telah diperbaiki, mereka tiada asas untuk mengumpat. Lagipun, segala perubahan baik yang dilakukan adalah untuk diri adik sendiri, bukan orang lain.

Dr doakan adik berjaya dalam usaha memperbaiki diri dan jangan terlalu memikirkan umpatan orang terhadap adik.